

Headline	Kutipan zakat naik RM15 juta		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	27 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	129 cm ²
AdValue	RM 655	PR Value	RM 1,964



Kutipan zakat naik RM15 juta

ALOR SETAR - Kesedaran masyarakat untuk membayar zakat menjadi penyumbang utama peningkatan kutipannya tahun lalu dengan melonjak kira-kira RM15 juta berbanding tahun sebelumnya.

Setiausaha Jawatankuasa Zakat Kedah, Datuk Syeikh Ghazali Yaacob berkata, kutipan tahun lalu mencatatkan angka tertinggi kira-kira RM121 juta berbanding RM106 pada 2012.

Menurutnya, pelbagai usaha dilaksanakan termasuk kempen kesedaran, mengunjungi pejabat kerajaan dan swasta untuk memberi penerangan kepada majikan serta kakitangan mengenai kaedah pembayaran zakat melalui potongan gaji bagi memudahkan mereka.

"Seramai 35,000 kakitangan kerajaan persekutuan, 3,500 kakitangan kerajaan negeri, 2,500 kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM), 700 kakitangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) turut menjadi penyumbang terbesar melalui sistem potongan gaji.

"Kita menggalakkan majikan sektor swasta mengambil langkah yang sama untuk memastikan kakitangannya menikmati kemudahan disediakan tanpa perlu membayar secara individu," katanya kepada Sinar Harian semalam.

Beliau berkata, sasaran kutipan tahun ini belum ditetapkan namun jumlahnya akan terus meningkat berdasarkan peningkatan ekonomi yang semakin baik. Bagi keterangan lanjut boleh hubungi Jabatan Zakat Negeri Kedah di talian 04-7331740 dari 8 pagi hingga 5 petang bermula Ahad hingga Khamis.



SYEIKH GHAZALI